

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

26 Menteri, Timbalan dari Umno

KUALA LUMPUR, Khamis — Kesemuanya 59 orang Ahli Parlimen dari parti-parti komponen Barisan Nasional dilantik ke berbagai jawatan Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen dalam Kabinet Baru Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

UMNO sebagai parti terbesar, mendapat 13 Menteri, tetapi memegang 15 portfolio, termasuk Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan dan Timbalan Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri.

UMNO juga mendapat 13 orang Timbalan Menteri dan 4 Setiausaha Parlimen.

MCA mendapat 4 Menteri penuh, 6 Timbalan Menteri dan satu Setiausaha Parlimen. MIC kekal dengan seorang Menteri penuh dan ditambah satu Timbalan Menteri menjadi dua.

Gerakan seorang Menteri, seorang Timbalan Menteri dan seorang Setiausaha Parlimen.

Berjasa seorang Menteri penuh.

SUPP, jawatan Menteri masih kosong dan mendapat dua Setiausaha Parlimen.

PBB seorang Menteri dan dua Timbalan, Berjaya satu Menteri dan dua Timbalan Menteri, SNAP mendapat seorang Menteri, seorang Timbalan dan seorang Setiausaha Parlimen.

PPP dan USNO tidak mendapat seorang kerusi Parlimen dan tiada wakil dari Kabinet.

Mengikut parti, UMNO masih mem-

punyai 13 orang Menteri tetapi memegang 15 portfolio termasuk Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan dan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, manakala bilangan Setiausaha Parlimen masih empat orang - sama seperti susunan Kabinet sebelum pilihanraya.

Dengan tambahan seorang lagi Timbalan Menteri, kedudukan bilangan Timbalan Menteri UMNO sekarang ialah 13 berbanding dengan 12 di masa lalu.

Muka-muka baru UMNO dalam senarai menteri ialah bekas Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Rais Yatim dan bekas Ketua Menteri Melaka, Encik Adib Adam.

Bagi Timbalan Menteri pula, lima orang adalah muka baru semen-

tara tiga orang pula dinaikkan pangkat dari Setiausaha Parlimen.

MCA pula mengekalkan bilangan menteri penuhnya, iaitu empat orang manakala Timbalan Menteri ditambahkan seorang lagi kepada enam. Bilangan Setiausaha Parlimennya masih lagi seorang.

Menteri baru MCA ialah Datuk Mak Hon Kam, bekas Timbalan Menteri Kewangan yang dinaikkan pangkat memegang portfolio Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat menggantikan Datuk Richard Ho yang tidak bertanding.

Muka baru MIC bagi Timbalan Menteri ialah Timbalan Presiden partinya, Encik S. Subramaniam yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

No. Siri 2699
No. Penerimaan 445/85